

BERSIH2.0

KOD ETIKA
PENGLIBATAN
DALAM PILIHAN
RAYA UMUM KE-13
DAN GARIS
PANDUAN KERAJAAN
SEMENTARA

KOD ETIKA PENGLIBATAN DALAM PILIHAN RAYA UMUM KE-13

- A. Malaysia adalah ahli Majlis Hak Asasi Manusia dan sejak 1967, menjadi ahli Kesatuan Inter-Parlimen (*Inter Parliamentary Union, IPU*) dan terikat dengan piawaian yang tinggi bagi kod etika dalam pilihan raya.
- B. Deklarasi IPU 1994 berkaitan Kriteria bagi Pilihanraya Bebas dan Adil (*the IPU's 1994 Declaration on Criteria for Free and Fair Elections*¹) menetapkan piawaian yang telah diterima secara universal bagaimana mengadakan pilihan raya yang bebas dan adil. Resolusi IPU yang diterima pakai pada 20.4.2011 di Panama, menekankan keperluan untuk mewujudkan rangka kerja pilihanraya yang berkesan yang "*harus berpaksikan beberapa elemen asas, termasuklah pilihan raya yang bebas dan adil yang diadakan secara berkala, kerahsiaan undi, proses pilihanraya yang kompetitif dan inklusif, akses kepada media dan sumber negara secara adil dan seimbang kepada semua parti politik, hak mengundi yang menyeluruh (broad-based voting rights), proses pendaftaran pengundi yang boleh dipercayai, dan badan yang bebas dan berkecuali yang diamanahkan bagi mengurus pilihan raya secara bebas dan adil.*"
- C. Kod Etika ini menggariskan piawaian minimum etika bagi semua parti politik dan calon serta petugas kempen, sukarelawan dan penyokong mereka dalam pilihan raya umum, selaras dengan norma-norma yang diterima pakai di peringkat antarabangsa.²
- D. Adalah menjadi tanggungjawab parti-parti politik dan calon-calon untuk memastikan pematuhan terhadap Kod ini oleh petugas kempen, sukarelawan dan penyokong-penyokong mereka. Parti-parti politik, calon-calon, petugas kempen, sukarelawan dan penyokong-penyokong mereka, bagi maksud Kod ini akan disebut selepas ini sebagai "pihak" atau "pihak-pihak", mengikut kesesuaiannya..

Larangan terhadap ucapan yang menghasut dan menggalakkan permusuhan

- 1. Tidak ada pihak, sama ada secara langsung atau tidak langsung, atau secara bekerjasama dengan orang lain, menyampaikan ucapan atau melibatkan diri dalam sebarang aktiviti yang memburukkan lagi perbezaan yang sedia ada atau menggalakkan kebencian atau menimbulkan ketegangan antara etnik atau agama yang berbeza.

Larangan terhadap kempen dengan cara memburuk-burukkan (smear campaign)

- 2. Kritikan terhadap pihak parti atau calon lain, apabila dilakukan, hendaklah terbatas kepada isu, dasar, program dan rekod yang telah lalu. Kritikan yang berasaskan

¹ <http://www.ipu.org/cnl-e/154-free.htm>

² <http://www.ipu.org/conf-e/124/Res-1.htm>

dakwaan yang tidak benar atau maklumat yang diputarbelit hendaklah dielakkan. Semua pihak hendaklah mengelak daripada mengkritik, mencemar atau mencero boh privasi atau kehidupan peribadi pemimpin-pemimpin parti dan calon lain atau ahli keluarga mereka yang tidak berkaitan dengan tugas dan aktiviti-aktiviti awam pemimpin parti dan calon-calon tersebut.

3. Sebagai panduan, kempen yang melibatkan bahan-bahan berikut hendaklah dianggap sebagai tidak boleh diterima dan dilarang sama sekali;
 - (i) bahan yang mempunyai kandungan yang tidak sesuai untuk tontonan kanak-kanak;
 - (ii) bahan yang mengandungi bahasa atau kelakuan yang kesat dan atau biadab; dan
 - (iii) bahan yang mengandungi penghinaan atau bahan yang mencemar atau mengandungi tuduhan terhadap mana-mana individu disebabkan oleh jantina, etnik, agama atau kedudukan sosial (*social origin*) individu tersebut.

Kebebasan wartawan dan pemerhati pilihan raya untuk menjalankan tugas mereka

4. Semua pihak tidak harus menghalang atau mengganggu pemberita dan wartawan daripada menjalankan tugas-tugas mereka termasuk kebebasan pergerakan mereka, kebebasan untuk menerima dan menyampaikan maklumat dan akses kepada premis dan dokumen yang berkaitan.
5. Semua pihak tidak harus mengganggu atau menghalang pemerhati pilihan raya daripada menjalankan pemerhatian mereka, termasuk kebebasan pergerakan mereka, kebebasan untuk menerima dan menyampaikan maklumat dan akses kepada premis dan dokumen yang berkaitan.

Larangan melakukan ugutan dan keganasan

6. Ugutan dan keganasan dalam apa jua bentuk adalah dilarang sama sekali pada setiap masa.
 - (i) Semua pihak hendaklah tidak menggalakkan dan tidak memberi sokongan terhadap ugutan atau keganasan dalam apa bentuk sekalipun dan hendaklah mengambil langkah-langkah segera untuk mencegah, menghentikan atau mengutuk tindakan tersebut dan hendaklah melaporkan kepada polis setiap kejadian yang melibatkan ugutan atau keganasan tanpa mengira siapa yang melakukannya.
 - (ii) Semua pihak hendaklah memastikan mereka tidak menimbulkan gangguan atau atau campur tangan dalam perhimpunan atau mesyuarat yang

dianjurkan oleh pihak parti politik atau calon di pihak lain. Tingkah laku yang dianggap mengganggu termasuklah mengedarkan risalah mereka sendiri, menyampuk, mengejek, berkelakuan ganas atau memberi ancaman terhadap pihak-pihak lain atau orang ramai yang menghadiri perhimpunan atau mesyuarat tersebut.

- (iii) membawa patung yang berupa untuk mewakili calon atau ahli atau penyokong parti-parti politik lain, membakar patung tersebut di tempat awam awam dan lain-lain tindakan yang bersifat mengganggu, ganas atau demonstrasi yang bersifat mengancam, tidak harus diizin dan dibenarkan oleh mana-mana pihak.

Kesalahan-kesalahan Pilihanraya

7. Semua pihak hendaklah tidak melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti yang bersifat "amalan rasuah" atau kesalahan di bawah undang-undang pilihan raya, termasuk tetapi tidak terhad kepada merasuah pengundi, melakukan ugutan terhadap pengundi, penyamaran pengundi, merayu undi dalam jarak 50 meter dari tempat mengundi, dan mengadakan perhimpunan awam pada hari mengundi.
8. Semua pihak hendaklah dengan serta-merta melaporkan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) apa-apa perbuatan atau tindakan yang disyaki berupa "amalan rasuah" atau kesalahan di bawah undang-undang pilihan raya.
9. Semua pihak hendaklah tidak mengenakan atau cuba untuk mengenakan pengaruh tidak wajar untuk memaksa seseorang untuk mengundi, atau tidak mengundi mengikut cara yang tertentu, atau yang menyebabkan seseorang mengundi atau tidak mengundi mengikut cara yang tertentu.
10. Semua pihak tidak boleh membenarkan atau membolehkan mana-mana individu untuk mengundi sebagai orang lain, atau lebih daripada sekali.

BERKEMPEN

11. Semua pihak tidak harus mengadakan perhimpunan atau mesyuarat di tempat-tempat yang bersebelahan, bertentangan atau berhampiran di mana perhimpunan atau mesyuarat yang diadakan oleh parti atau calon lain.
12. Jika dua atau lebih pihak bercadang untuk mengadakan perhimpunan atau mesyuarat di tempat yang bersebelahan, bertentangan atau berhampiran antara satu sama lain, penganjur masing-masing hendaklah berhubung dengan dengan pihak-pihak tersebut terlebih dahulu dan memutuskan langkah-langkah yang perlu diambil bagi memastikan perhimpunan atau mesyuarat tersebut tidak bertembung atau menyebabkan halangan kepada lalu lintas. Bantuan daripada pihak berkuasa tempatan dan pihak polis hendaklah diperolehi bagi membolehkan persefahaman

dicapai. Bagi tujuan ini, semua pihak hendaklah menghubungi pihak berkuasa tempatan dan polis secepat mungkin.

13. Semua pihak hendaklah:

- (i) bekerjasama dengan pegawai bertugas pilihan raya untuk memastikan pengundian berjalan secara aman dan teratur dan kebebasan yang penuh diberikan kepada para pengundi untuk menjalankan tanggungjawab mereka tanpa sebarang gangguan atau halangan;
- (ii) memakai dan melekatkan pada semua kenderaan dan jentera kempen, pengenalan yang jelas dan mudah dibaca pengenalan kepada parti masing-masing.

GARIS PANDUAN KERAJAAN SEMENTARA

Tujuan garis panduan ini, yang bersesuaian dan diterima pakai oleh konvensyen antarabangsa, adalah untuk memastikan bahawa semasa tempoh kerajaan sementara ini, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri akan bertindak dengan sewajarnya supaya, walaupun urusan perkhidmatan dan pentadbiran kerajaan berjalan terus, keputusan-keputusan dan tindakan-tindakan yang bersifat utama dan dasar (*major*) mesti dielakkan supaya ia tidak mengikat kerajaan yang akan dipilih kelak. Garis panduan ini bertujuan memberi panduan umum. Ia boleh ditambah dengan dokumen-dokumen yang mengandungi maklumat yang lebih khusus yang boleh didapati dalam *Australian Capital Territory 2012 General Election on Guidance on Caretaker Conventions*³ dan *London Cabinet office on General Election Guidance 2010*..⁴

Garis panduan berikut akan digunapakai kepada kerajaan sementara:

- (1) Dari tarikh pembubaran Parlimen atau Dewan Undangan Negeri sehingga kerajaan yang baru dipilih mengambil alih, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri hendaklah menjadi kerajaan sementara dan tidak boleh:
 - (a) membuat keputusan-keputusan dasar dan utama yang berkemungkinan besar akan mengikat kerajaan yang akan dipilih;
 - (b) membuat perlantikan-perlantikan penting;
 - (c) menandatangani kontrak atau perjanjian besar dan utama (*major contracts or undertakings*);
 - (d) mengumumkan sebarang geran kewangan baru dalam apa jua bentuk sekalipun atau apa-apa janji yang berkaitan dengannya;
 - (e) meletakkan batu asas dan lain-lain, projek atau skim dalam apa jua bentuk; atau
 - (f) membuat apa-apa janji baru bagi membina infrastruktur atau melaksanakan projek-projek awam.
- (2) Kerajaan sementara sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri tidak boleh menggunakan, dan hendaklah memastikan bahawa tidak ada sebarang sebab untuk diberikan untuk sebarang aduan bahawa ia telah menggunakan, kedudukan rasmi untuk tujuan kempen pilihan raya dan khususnya:
 - (i) anggota Kerajaan Persekutuan atau ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri tidak boleh menggabungkan lawatan rasmi mereka dengan kerja pilihanraya dan tidak akan menggunakan sumber, kenderaan, kakitangan dan jentera kerajaan semasa kerja kempen pilihan raya mereka;

³ <http://www.cmd.act.gov.au/functions/2012-election>

⁴ <http://webarchive.nationalarchives.gov.uk/+http://www.cabinetoffice.gov.uk/media/354815/2010electionguidance.pdf>

- (ii) jentera, sumber, kenderaan dan kakitangan Kerajaan Pusat dan Negeri tidak boleh digunakan untuk kepentingan kerajaan sementara dan, khususnya, tiada kementerian, jabatan, agensi atau alat-alat kerajaan yang lain atau badan-badan berkaitan kerajaan boleh diarahkan atau dibenarkan untuk mengadakan sebarang majlis atau aktiviti yang berkaitan dengan apa-apa kerja pilihanraya atau aktiviti-aktiviti berkempen;
- (iii) tempat-tempat dan kemudahan awam tidak boleh dimonopoli oleh kerajaan sementara dan parti-parti dan calon-calon lain hendaklah dibenarkan menggunakan kemudahan tersebut sekurang-kurangnya pada jumlah kekerapan penggunaan yang sama banyak serta dengan terma dan syarat yang sama dengan yang digunapakai kepada parti yang menguasai kerajaan sementara;
- (iv) kerajaan sementara tidak dibenarkan, dan hendaklah memastikan bahawa penjawat awam dan pihak berkuasa di bawah bidang kuasa dan kawalan mereka tidak menggunakan wang dari dana persekutuan atau negeri yang disatukan untuk mengeluarkan iklan di akhbar-akhbar dan lain-lain media;
- (v) kerajaan sementara hendaklah memastikan akses yang bebas dan adil untuk bersiaran percuma di radio, televisyen, dan lain-lain media penyiaran;
- (vi) kerajaan sementara tidak dibenarkan, dan hendaklah memastikan bahawa penjawat awam dan pihak berkuasa di bawah bidang kuasa dan kawalan mereka tidak, menggunakan wang dari dana persekutuan atau negeri yang disatukan bagi tujuan mengadakan atau menganjurkan perhimpunan atau mesyuarat;
- (vii) manakala adalah menjadi hak pekerja sektor awam untuk mengambil bahagian dalam proses politik, mereka mesti berbuat demikian dalam kapasiti peribadi mereka, mengelakkan sebarang percanggahan kepentingan (*conflict of interest*) dan tanpa mempamerkan kecenderungan politik mereka semasa menjalankan tugas;
- (viii) ahli-ahli kerajaan Persekutuan atau ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri tidak boleh memasuki mana-mana tempat mengundi atau tempat pengiraan undi kecuali dalam kapasiti mereka sebagai seorang calon atau pengundi atau ejen yang diberi kuasa; dan
- (ix) kerajaan sementara hendaklah memastikan dan bertanggungjawab terhadap keselamatan semua rakyat secara sama rata, dan hendaklah memastikan bahawa semua polis dan pegawai penguat kuasa bertindak tanpa rasa takut atau memihak (*without fear or favour*) dalam usaha menjaga keselamatan semua pihak.

RUJUKAN

Cabinet Office of the United Kingdom. "General Election Guidance 2010." 2010. <http://webarchive.nationalarchives.gov.uk/+http://www.cabinetoffice.gov.uk/media/354815/2010electionguidance.pdf>.

Chief Minister and Treasury Directorate of the Australian Capital Territory. "Australian Capital Territory 2012 General Election Guidance on Caretaker Conventions." 2012. <http://www.cmd.act.gov.au/functions/2012-election>.

Election Commission of India. "Model Code of Conduct for the Guidance of Political Parties and Candidates." 2007. http://eci.nic.in/eci_main/faq/faq_mcc.pdf.

Inter Parliamentary Union. "Declaration on Criteria for Free and Fair Elections." 1994. <http://www.ipu.org/cnl-e/154-free.htm>.

Inter Parliamentary Union. "Providing a Sound Legislative Framework Aimed at Preventing Electoral Violence, Improving Election Monitoring and Ensuring The Smooth Transition of Power." 2011. <http://www.ipu.org/conf-e/124/Res-1.htm>.



Alamat Sekretariat:

13, Lorong 4/48E, 46050 Petaling Jaya

Telefon: +603 7772 3275

Tel. Bimbit: +6019 438 0428

Faks: +603 7784 4978

Emel: info@bersih.org

Laman Web: www.bersih.org

Facebook: BERSIH 2.0 [Official]

Twitter: [bersih2](https://twitter.com/bersih2)